

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1433-MQT1074
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Malaysia menyertai inisiatif COVAX yang disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang membolehkan 20% daripada penduduk sesebuah negara menerima dos vaksin COVID-19 dengan vaksin dihantar sebaik sahaja tersedia dan juga membantu membina semula ekonomi. Apakah kos penyertaan dan peranan yang perlu dimainkan oleh negara kita.

2. PR-1433-MQT1077
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan langkah segera dan efektif Kerajaan bagi membendung penularan COVID-19 dalam kalangan 'Kongsi' binaan yang kian membimbangkan.

3. PR-1433-MQT1070
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan yang diterima untuk Geran Khas Prihatin 2.0 dan apakah sebab-sebab utama permohonan yang tidak berjaya, ditolak.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 NOVEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 39

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L11359
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah platform e-Dagang ini digunakan sepenuhnya oleh usahawan luar bandar dalam memasarkan produk mereka dan berapa jumlah yang telah mendaftar hingga September 2020 serta apakah usaha yang dibuat untuk mempertingkatkan jumlah pengguna e-Dagang.

2. PR-1433-L11301
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan membentangkan keberhasilan Projek Demonstrasi 5G yang telah dijalankan dan apakah kesediaan Kementerian dalam memperluas rangkaian 5G ini ke seluruh negara.

3. PR-1433-L10695
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah perancangan untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di kawasan kampung dan rumah panjang terpencil di Tanjung Manis seperti Paloh Berangan, Mupong, Krubong, Sare dan Pulau Bruit.

4. PR-1433-L11381
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini perancangan SMK Long Semodoh, Lawas, Sarawak, yang telah dianggarkan bernilai RM35 juta, yang telah diumumkan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ketika itu sebelum Pilihan Raya Negeri Sarawak 2016. Bilakah pembinaan akan dimulakan.
5. PR-1433-L11351
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah sebenar pelajar IPTA dan IPTS yang masih berada di kampus dan juga yang berada di rumah selepas pengumuman Penangguhan Kemasukan Pelajar ke Kampus sesi 2020/2021 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
6. PR-1433-L11183
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah BSH yang telah dibayar dalam tahun 2019 dan 2020 dan angka pecahan untuk setiap negeri dan wilayah.
7. PR-1433-L10629
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang dirancang untuk membasmi kemiskinan dari sudut Industri Kecil dan Sederhana (IKS) penduduk kampung dan rumah panjang di Parlimen P.203 Lubok Antu, Sarawak.
8. PR-1433-L10611
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa jumlah lot yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk projek ECRL dan apakah status terkini pengambilan tanah serta pampasan yang diberi di negeri-negeri terlibat.
9. PR-1433-L10100
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah institusi perbankan untuk terus membantu isi rumah dan perniagaan yang memerlukan bantuan selepas moratorium berakhir pada 30 September 2020 dan nyatakan jumlah permohonan untuk bantuan bayaran balik pinjaman serta kadar kelulusannya.

10. PR-1433-L10587
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menzalimi pimpinan mahasiswa yang lantang bersuara.
11. PR-1433-L10123
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meneruskan projek menaik taraf jalan pedalaman dari Pos Betau ke Pos Lenjang kepada Fasa Kedua iaitu dari jajaran Pos Lenjang ke Pos Titom.
12. PR-1433-L10978
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah menteri sedar bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Labuan FSA dari kategori '*General Trading and Services*' sekarang selepas '*Economic Substance Requirement*' (ESR) dilaksanakan terkeluar dari senarai jadual '*Labuan Business Activity Tax Act 1990*' (LBATA). Padahal kategori yang sama adalah layak untuk masuk jadual tersebut di '*jurisdictions*' lain. Ini menyebabkan sekarang syarikat-syarikat antarabangsa tersebut dikenakan '*income tax*' antara 17% ke 24% bukan lagi 3%. Perkara ini sangat '*urgent*' untuk dibetulkan.
13. PR-1433-L11344
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah berserta lokasi yang telah dilaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sabah.
14. PR-1433-L10344
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tindakan Kementerian dalam menangani ucapan kebencian anti-pendatang ketika jangkitan COVID-19 meningkat di Malaysia seperti dilaporkan oleh Reuters pada 14 Oktober 2020 yang bertajuk "*Anti-migrant sentiment fanned on social media, little action taken by Facebook*", berkenaan pelarian Islam Rohingya dari Myanmar.
15. PR-1433-L11146
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini kewangan negara dan apakah jaminan Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan kebajikan rakyat bagi golongan B40 dan M40 tidak akan dipotong serta bajet-bajet bagi memperkasakan agenda Prihatin Rakyat dapat diteruskan selepas ini.

16. PR-1433-L10875
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pemantauan dilakukan dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian dalam mengatasi isu pembuangan sampah di tempat yang tidak sepatutnya dilakukan.
17. PR-1433-L10869
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan rancangan Kementerian untuk menambah bilangan anggota PERHILITAN serta aset-aset strategiknya berikutan peningkatan konflik hidupan liar seperti gajah dan harimau dalam Parlimen Kemaman.
18. PR-1433-L10393
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam lima tahun kebelakangan ini, jumlah pembayar cukai borang BE yang :-
- (a) menuntut pelepasan bagi insurans pendidikan dan perubatan serta jumlah telah dituntut; dan
 - (b) berpendapatan berkanun pengajian tahunan melebihi RM30 ribu tetapi tiada membuat bayaran awal PCB bulanan.
19. PR-1433-L10918
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan pihak Kementerian terhadap laporan-laporan berkaitan akses internet yang terhad di kawasan luar bandar sehingga menyukarkan para pelajar dan guru untuk membuat pembelajaran dan pengajaran secara atas talian.
20. PR-1433-L10803
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status semasa tindakan pihak Kementerian terhadap laporan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD) yang diserahkan pada 2 Mei 2019 serta menyatakan komitmen supaya laporan berkenaan akan diangkat kepada Jemaah Menteri pada tahun ini dan seterusnya dimaklumkan kepada rakyat.
21. PR-1433-L10961
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah dasar terkini Kerajaan terhadap kes buli di kalangan tentera dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.

22. PR-1433-L11046
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada semua aktiviti kokurikulum telah diberhentikan di sekolah-sekolah sebagai langkah kawalan penularan COVID-19. Apakah langkah-langkah tambahan yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah berada dalam keadaan yang selamat dan bebas daripada ancaman COVID-19.
23. PR-1433-L10285
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan terhadap kilang pemprosesan sisa plastik haram.
24. PR-1433-L11081
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini proses kelulusan pembinaan PDF Lynas, termasuk kelulusan EIA, lokasi PDF dan kontraktor yang terlibat.
25. PR-1433-L10447
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST dari tahun 2016 sehingga 2018 dan jumlah kutipan SST dari tahun 2018 sehingga sekarang. Nyatakan sejauh mana keberkesanan pelaksanaan SST dalam menurunkan kadar inflasi negara.
26. PR-1433-L10345
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci cadangan Kerajaan untuk menggabungkan '*consolidate*' bantuan tunai langsung kepada rakyat seperti Bantuan Sara Hidup, *Wage Subsidy Programme*, dan Geran Khas Prihatin 2.0 dalam Pakej KITA PRIHATIN menjadi '*automatic stabiliser*'. Bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya betul-betul sampai kepada mereka yang terjejas.
27. PR-1433-L10800
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju industri perbukuan di Malaysia serta sama ada wujud usaha sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk meningkatkan penerbitan bermutu oleh para karyawan, ahli akademik dan penulis tanah air.

28. PR-1433-L11178
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian '*revenue*' Kerajaan sekarang yakni sumber atau puncunya, perbelanjaan pembangunan dan pengurusan serta defisit semasa.
29. PR-1433-L10177
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menubuhkan dana penyelenggaraan bagi membantu Jawatankuasa Perbadanan Perumahan (JMB / MC) di rumah pangsa kos rendah yang dahulunya untuk penempatan semula penghuni rumah setinggan. Kutipan fi penyelenggaraan tersebut tidak mencukupi untuk gantian tangki air dan pembaikan lif yang berharga tinggi.
30. PR-1433-L10608
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kenaikan hutang Kerajaan dari 1 Mac 2020 hingga sekarang. Kepada siapa penambahan hutang-hutang tersebut terhutang, (senaraikan nama dan jumlah bagi setiap kes).
31. PR-1433-L11120
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan penstrukturan Malaysia Airlines (MAS), termasuk jumlah hutang, kerugian semasa, pelaburan oleh Khazanah Nasional, perbincangan penggabungan atau pelaburan asing dan keperluan dana. Apakah kemungkinan MAS akan ditutup.
32. PR-1433-L11034
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menambah baik sistem pembelajaran khususnya dalam talian, bagi membantu anak-anak istimewa (OKU) yang terjejas akibat COVID-19.
33. PR-1433-L10099
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sektor-sektor pekerjaan berskala kecil dan sederhana di negeri Sabah yang termasuk dalam 1,846 penerima bantuan Program Pengekalan Pekerjaan dari kalangan majikan, dan bagaimanakah ia mampu memotivasikan para majikan untuk mengekalkan kakitangan mereka yang sedia ada biarpun mengalami kemerosotan keuntungan.

34. PR-1433-L10441
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman tertunggak oleh peminjam-peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meningkat:-
- (a) nyatakan jumlah pinjaman tertunggak oleh peminjam-peminjam PTPTN setakat bulan September 2020 dan bilangan peminjam-peminjam yang masih terhutang dalam peratusan mengikut kaum; dan
 - (b) impaknya kepada anak muda yang akan datang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan hutang PTPTN.
35. PR-1433-L11001
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak krisis pandemik wabak COVID-19 syarikat penerbangan telah mengalami banyak kerugian, apakah langkah Kerajaan bagi membantu syarikat penerbangan swasta seperti AirAsia dan Malindo Air bagi membendung masalah tersebut.
36. PR-1433-L10452
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha khas daripada pihak Kerajaan untuk menambah jaringan perkhidmatan internet khususnya di kawasan desa dan luar bandar, dan usaha membantu rakyat dalam memiliki perkhidmatan internet yang lebih murah dalam masa COVID-19 yang mana perkhidmatan internet menjadi suatu keperluan.
37. PR-1433-L11305
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pengenalan tulisan jawi akan diteruskan dalam buku teks baharu darjah 5 untuk SK dan SJK. Sekiranya ya, apa tambah baik berbanding zaman PH yang dilaksanakan, isi kandungan dan berapa muka surat dalam buku teks baharu.
38. PR-1433-L10241
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah panjang di Sarawak yang mempunyai polisi insurans kebakaran menurut kawasan Parlimen dan usaha Kementerian untuk menggalakkan setiap rumah panjang di Sarawak mempunyai polisi insurans kebakaran.

39. PR-1433-L10689
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam melanjutkan moratorium pinjaman secara automatik sehingga pandemik ini kembali reda atau pemilikan vaksin telah berlaku.
40. PR-1433-L10491
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi dan spesifikasi Kerajaan Pusat terhadap pelaksanaan proses '*Request for Proposal*' (RFP) membabitkan projek-projek yang telah dan bakal dilaksanakan. Perincian dengan contoh-contoh sedia ada membabitkan pihak Kementerian.
41. PR-1433-L10768
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
(a) mengapakah program MySalam sebelum ini dibuka pendaftaran untuk golongan M40 walaupun ada isu perundangan yang timbul; dan
(b) apakah status penyelesaian isu perundangan tersebut dan apakah langkah-langkah lain yang telah diambil untuk memperluaskan liputan MySalam.
42. PR-1433-L11097
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang pengecualian bayaran perkhidmatan universiti seperti asrama, perpustakaan dan rekreasi yang tidak digunakan mahasiswa memandangkan pendekatan pembelajaran atas talian dengan mengurangkan jumlah bayaran yuran yang ditanggung mahasiswa.
43. PR-1433-L10988
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada harga internet akan dikurangkan lagi dalam masa terdekat dan apakah tindakan diambil untuk memastikan perkhidmatan internet di negara ini berkualiti baik.
44. PR-1433-L10249
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ketidakstabilan liputan internet dan telekomunikasi di kawasan pedalaman Sarawak yang diakibatkan penggunaan rangkaian satelit dan bekalan janakuasa diesel.

45. PR-1433-L10309
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan yang terjejas peluang mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian akibat impak daripada COVID-19.
46. PR-1433-L10422
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan projek jalan kampung, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Parlimen Lahad Datu yang telah dilaksana dan akan dilaksanakan dari tahun 2018 hingga 2020.
47. PR-1433-L10349
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan Kerajaan menyatakan status jalan-jalan raya utama kampung-kampung Talungan-Terintidon-Sayap, Kampung Podos-Pinolobuh-Mengkulat, Kampung Gendukut-Tengkurus-Lahanas Kota Belud. Jalan-jalan ini adalah jalan utama masuk ke kampung dan sudah tersenarai dalam RMK-11 yang lalu.
48. PR-1433-L10165
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah permohonan Geran Automasi Pintar yang telah diterima serta permohonan dan geran yang telah diluluskan mengikut sektor.
49. PR-1433-L11380
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa krisis pandemik COVID-19 bukan sahaja memberikan implikasi terhadap masalah kesihatan bahkan turut memberi impak negatif terhadap ekonomi di seluruh dunia. Apakah mekanisme untuk mengatasi impak negatif terhadap ekonomi negara, apakah unjuran pertumbuhan ekonomi bagi tahun hadapan dan bilakah keadaan ekonomi negara dijangka pulih sepenuhnya.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.16/2020) Rang Undang-undang Perbekalan 2021 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (18 November, 2020)**

DAN

Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (18 November, 2020)

2. (D.R 17/2020) Rang Undang-undang Kewangan 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R 11/2020) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)**
[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]
4. (D.R 13/2020) Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
5. (D.R.14/2020) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **"**
[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R 15/2020) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

7. (D.R.12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

9. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

10. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

11. PR-1433-U(27)146
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."
[Menteri Alam Sekitar Dan Air]
12. PR-1433-U(27)147
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."
[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]
13. PR-1433-U(27)148
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."
[Menteri Kesihatan]
14. PR-1433-U(27)149
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."
[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1433-U(27)150
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."
[Menteri Kewangan]
16. PR-1433-U(27)152
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."
[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]
17. PR-1433-U(27)164
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."
[Menteri Dalam Negeri]
18. PR-1433-U(27)166
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."
[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendetang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendetang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut:

| Tahun | Sabah | Sarawak |
|-------|-----------|-----------|
| 1951 | 334,141 | |
| 1960 | 454,561 | |
| 1970 | 636,431 | 976,269 |
| 1980 | 929,299 | 1,235,553 |
| 1991 | 1,734,685 | 1,642,771 |
| 2000 | 2,449,389 | 2,012,616 |
| 2005 | 3,313,000 | 2,340,000 |
| 2010 | 3,330,000 | 2,560,000 |

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasi impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

21. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1433-U(27)138

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Kubang Pasu untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

23. PR-1433-U(27)165
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan ini mengambil ketetapan menyatakan kepercayaan penuh dan berikrar kesetiaan yang tidak berbelah-bagi terhadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan.

